

KILANG PENAPISAN GULA MSM PRAI KEMBALI BEROPERASI, BERI JAMINAN PEMULIHAN PENGELUARAN

PRAI, JUN 16, 2021 – MSM Prai Berhad (MSM Prai), anak syarikat yang dimiliki penuh oleh MSM Malaysia Holdings Berhad, mengumumkan kilang penapisan gula tersebut telah mendapat kebenaran untuk beroperasi semula bermula 15 Jun 2021, lebih awal daripada jangkaan, dengan mematuhi prosedur operasi standard serta panduan seperti yang digariskan oleh pihak berkuasa bagi sektor industri. Pada awalnya, MSM Prai telah diberikan arahan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberhentikan operasi buat sementara waktu dalam tempoh 8 June 2021 hingga 17 June 2021 bagi melakukan proses nyahjangkitan di dalam premis yang terkesan untuk membendung penularan wabak COVID-19.

“MSM Prai akan memulakan operasi penapisan secara berperingkat. Walaubagaimanapun, sekiranya tiada sebarang kekangan operasi yang tidak diduga, MSM Prai dijangka akan mencapai semula momentum pengeluaran secepat yang mungkin selaras dengan prestasi kebolehpayaan dan pengeluaran yang konsisten di kilang tersebut. Kami akan terus memantau tahap operasi di samping memastikan langkah-langkah pencegahan yang lebih ketat dilaksanakan bagi memenuhi kepentingan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan para pekerja syarikat. MSM turut membuat permohonan bagi mendapatkan keutamaan dalam program vaksinasi untuk semua pekerja dalam syarikat memandangkan MSM dikira sebagai salah satu pengeluar makanan keperluan asas,” jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.

Berdasarkan penilaian awal, impak penutupan sementara terhadap hasil dan pendapatan syarikat dianggarkan kurang daripada 5% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Pihak syarikat juga sedang di dalam proses membuat tuntutan insuran kerugian sepanjang tempoh penutupan tersebut. Pelan mitigasi telah dilaksanakan bagi mengelakkan kekurangan bekalan serta meminimumkan gangguan rantai bekalan melalui penstrukturan semula strategi kesinambungan perniagaan di samping menggunakan kebenaran permit bagi mengimport gula bertapis. Kapasiti pengeluaran MSM Prai kekal sebanyak 1.05 juta setahun dan bersedia untuk mempertingkatkan pengeluaran bagi mencapai tahap penggunaan kapasiti seperti yang disasarkan untuk tahun ini.

Sebelum ini, kesemua 765 petugas di premis tersebut termasuk pekerja kontrak di mana lebih 92 peratus daripadanya adalah warganegara Malaysia telah melalui ujian saringan selama dua hari sebagai langkah pencegahan proaktif. Semua 8 orang petugas yang disahkan positif telah dikuarantinkan serta-merta disusuli dengan penjejakan kontak untuk ujian lanjut.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 milion setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pagedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com